

BAB 5 Bumi

Panduan RPH				
Standard Kandungan (SK)	Standard Pembelajaran (SP)		Soalan dan Tahap Penguasaan (TP)	
2.1 Bumi	2.1.1 Menjelaskan empat sistem fizikal bumi	Buku Teks m.s 44-45	Soalan 1 Soalan 2 Soalan 3	TP1 TP2
BBM		PAK-21	KBAT	
Buku teks, foto sistem fizikal bumi		Round Table	Menganalisis	
EMK		i-THINK	Nilai Murni	
Kelestarian alam sekitar		Peta pokok	Bekerjasama, toleransi	

Cadangan PdPc

1. Guru menerangkan kepada murid tentang empat sistem fizikal bumi, iaitu atmosfera, hidrosfera, biosfera dan litosfera.
2. Guru menunjukkan beberapa foto dan murid mengaitkannya dengan sistem fizikal bumi yang berkenaan.
3. Murid dibahagikan kepada empat orang dalam satu kumpulan.
4. Secara berkumpulan, murid menghasilkan peta pokok yang menunjukkan sistem fizikal bumi dan kepentingannya.
5. Murid bergilir-gilir menulis komponen sistem fizikal bumi di atas peta i-THINK yang sama dan menggunakan pen yang sama.
6. Kemudian, secara bergilir-gilir murid menulis kepentingan sistem fizikal bumi tersebut di atas kertas yang sama.
7. Guru menilai hasil kerja setiap kumpulan.
8. Murid menjawab soalan 1, soalan 2 dan soalan 3 dalam buku Power Up Geografi halaman 36.

Panduan RPH				
Standard Kandungan (SK)	Standard Pembelajaran (SP)		Soalan dan Tahap Penguasaan (TP)	
2.1 Bumi	2.1.2 Menjelaskan struktur bumi	Buku Teks m.s 45	Soalan 4 Soalan 5 Soalan 6	TP1 TP2 TP6
BBM		PAK-21	KBAT	
Buku teks, rajah atau model lapisan struktur bumi		Circle Time	Menganalisis	
EMK		i-THINK	Nilai Murni	
Kelestarian alam sekitar		—	Bertanggungjawab	

Cadangan PdPc

1. Guru memberi penerangan kepada murid tentang lapisan struktur bumi dan ciri-cirinya.
2. Guru menunjukkan rajah atau model lapisan struktur bumi dan murid menamakan setiap lapisan struktur bumi.
3. Murid menjawab soalan 4 dan soalan 5 dalam buku Power Up Geografi halaman 37.
4. Guru memilih beberapa orang murid untuk duduk di dalam bulatan.
5. Guru menyediakan bola pingpong.
6. Sesiapa yang memegang bola diminta memberi penerangan tentang salah satu lapisan struktur bumi.
7. Kemudian, murid tersebut memberi bola tersebut kepada murid lain untuk memberi peluang kepada mereka untuk bercakap tentang lapisan struktur bumi yang lain.
8. Murid membuat aktiviti (soalan 6) dalam buku Power Up Geografi halaman 37 secara berkumpulan.
9. Murid membawa bahan-bahan yang diperlukan untuk membuat model lapisan struktur bumi dari rumah.
10. Berpandukan arahan yang diberi, murid-murid membina model lapisan struktur bumi menggunakan kreativiti sendiri.

Panduan RPH							
Standard Kandungan (SK)		Standard Pembelajaran (SP)			Soalan dan Tahap Penguasaan (TP)		Halaman
2.1 Bumi		2.1.3 Mengenal pasti benua, lautan, laut utama dan selat		Buku Teks m.s 46-47	Soalan 7 Soalan 8	TP3	38
BBM		PAK-21			KBAT		
Buku teks, peta dunia		Gallery Walk			Mencipta		
EMK		i-THINK			Nilai Murni		
Kelestarian alam sekitar		–			Bekerjasama, toleransi		

Cadangan PdPc

1. Guru berbincang bersama murid tentang benua-benua di dunia.
2. Guru meminta beberapa orang murid menamakan benua utama di dunia berdasarkan peta dunia.
3. Guru menerangkan tentang lautan dan laut utama serta selat di dunia berdasarkan peta dunia.
4. Murid menjawab soalan 7 dan soalan 8 dalam buku Power Up Geografi halaman 38.
5. Murid dibahagikan kepada empat kumpulan.
6. Kumpulan 1 menghasilkan peta dunia yang menunjukkan kedudukan benua-benua di dunia.
Kumpulan 2 menghasilkan peta dunia yang menunjukkan lautan utama di dunia.
Kumpulan 3 menghasilkan peta dunia yang menunjukkan laut utama di dunia.
Kumpulan 4 menghasilkan peta dunia yang menunjukkan selat utama di dunia.
7. Setiap siap, setiap kumpulan menampal hasil kerja masing-masing di dinding untuk dilihat oleh kumpulan lain.
8. Murid daripada kumpulan lain memberikan komen tentang hasil kerja kumpulan yang lain pada *sticky note* dan menampal pada hasil kerja tersebut.
9. Guru menilai hasil kerja setiap kumpulan.

Panduan RPH							
Standard Kandungan (SK)		Standard Pembelajaran (SP)		Soalan dan Tahap Penguasaan (TP)		Halaman	
2.1 Bumi		2.1.4 Membincangkan kesan-kesan pergerakan kerak bumi		Buku Teks m.s 48-51		Soalan 9 Soalan 10 Soalan 11 Soalan 12	TP4 TP4 TP4 TP5
						39 – 40	
BBM		PAK-21		KBAT			
Buku teks, foto kejadian gempa bumi, gunung berapi, rajah hanyutan benua, gunung lipat, tayangan video		Roam the Room		Menganalisis			
EMK		i-THINK		Nilai Murni			
TMK, kelestarian alam sekitar		Peta buih		Bertanggungjawab			

Cadangan PdPc

1. Guru menerangkan kepada murid tentang kesan pergerakan kerak bumi berdasarkan rajah di dalam buku teks halaman 48 hingga 51.
2. Guru menunjukkan foto-foto kesan pergerakan kerak bumi seperti gempa bumi dan letusan gunung berapi.
3. Murid menjawab soalan 9, soalan 10 dan soalan 11 dalam buku Power Up Geografi halaman 39 dan 40.
4. Murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan.
5. Setiap kumpulan membincangkan satu kesan pergerakan bumi sama ada di benua atau lautan.
6. Kemudian, setiap kumpulan menyediakan satu poster tentang kesan pergerakan kerak bumi tersebut.
7. Dengan isyarat guru, murid secara individu bergerak melihat hasil kerja kumpulan lain.
8. Guru memberikan isyarat kedua. Semua murid akan balik ke tempat asal.
9. Murid membuat perkongsian dalam kumpulan berkaitan apa yang telah dipelajarinya daripada kumpulan lain.
10. Murid menjalankan aktiviti (soalan 12) dalam buku Power Up Geografi halaman 40.